

KEPIMPINAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - TANGGUNGJAWAB SIAPA?

NOOREHA HUSAIN
KAJIAN SAINS MATEMATIK DAN KOMPUTER

ABSTRAK

Kepimpinan yang selalu menjadi tajuk perbualan hari ini adakah hanya dipraktikkan di Jabatan-jabatan Kerajaan mahupun swasta? Konsep kepimpinan sepatutnya difahami sedalam-dalamnya sebelum setiap individu itu dapat menjalankan tanggungjawabnya kerana setiap seorang itu sebenarnya adalah pemimpin, cuma dalam situasi yang berbeza.

Sekiranya setiap individu memahami tanggungjawabnya, maka tidak mustahil institusi pengajian tinggi ini khususnya akan berjaya mencapai kecemerlangan dalam mengeluarkan graduan-graduan yang berilmu, sebagai insan berguna dan yang paling penting untuk memimpin generasi yang akan datang.

“Pucuk pimpinan amat penting bagi univesiti atau pusat pengajian tinggi. Jika pucuk pimpinan terutamanya Pengerusi Majlis dan Naib Canselornya peka terhadap tradisi ilmu dan tahu mengemudikan universitinya, maka selamatlah universiti itu. Jikalau pucuk pimpinan hanya bertindak sebagai “jaga” supaya universiti tidak terpesong daripada garis-garis yang telah ditetapkan atau cuma tahu mengurus universiti supaya sebagai organisasi ia berjalan licin atau cuma cekap menjaga sasar siswa siswa siswi tidak mengadakan tujuk perasaan, maka sesebuah pusat ilmu akan tinggal kusam, iaitu ia bergerak tetapi tanpa jiwa yang bersemarak dan wajah yang berseri”. - Inilah kata-kata yang diluahkan oleh Prof. Taib Osman dalam salah satu esainya yang diterbitkan1.

Dapat dikatakan untuk mencapai ke arah matlamat sesebuah institusi yang bakal melahirkan graduan yang berwibawa dan berkalibar maka institusi pengajian tinggi ini bukan sahaja merupakan satu tempat untuk meraih ilmu tetapi ia mestilah mampu menjadi sebuah tempat yang berjaya mendidik dan memimpin seseorang itu agar menjadi insan berguna.

Kepimpinan yang dipertikaikan itu sebenarnya tanggungjawab siapa? Allah berfirman yang bermaksud:-

“Dan ketika tuhanmu berfirman kepada malaikat. Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah dibumi. Mereka bertanya, Adakah engkau hendak mejadikan dibumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah, pada hal kami sentiasa bertasbih dengan memujimu dan mensucikan mu? Tuhan berfirman, “Sesungguhnya aku mengetahui apa yang kamu tidak mengetahuinya.”

Surah al-Baqarah Ayat 30.

Kepimpinan adalah merupakan satu tanggungjawab yang diwahyukan oleh Allah S.W.T. Di dalam satu-satu organisasi seperti pusat pengajian tinggi konsep kepemimpinan perlu ada pada setiap individual yang berhubungkait dengan institusi ini, supaya matlamat mewujudkan suasana kecemerlangan ilmu di kampus dapat dilaksanakan.

DEFINISI KEPIMPINAN

Berbagai-bagai definisi boleh didapati tentang kepemimpinan. Penulis Barat, Peters & Waterman (“In Search of Excellence”) ada menyebut tentang “transactional leadership”, “transforming leadership”.

1. Prof. Taib Osman (U.M.), *Majalah Mastika Keluaran Julai 1991*

"Leadership is many things. It is patient, usually boring coalition building. It is the purposeful seeding of cabals that one hopes will result in the appropriate ferment in the bowels of the organization. It is meticulously shifting the attention of the institution through the mundane language of management systems. It is altering agendas so that new priorities get enough attention. It is being visible when things are going awry, and invisible when they are working well. It's listening carefully much of the time, frequently speaking with encouragement, and reinforcing words with believable action. It's being tough when necessary, and it's the occasional naked use of power".

Secara tidak langsung kepemimpinan adalah usaha yang mengadunkan tenaga individu ke dalam satu ikatan yang bersepadu dan menghalakan ke arah matlamat organisasi. Jadi, di institusi pengajian tinggi ini mestilah ada contoh-contoh atau model yang baik yang patut diikuti. Seseorang pemimpin bukan sahaja mengarah orang untuk membuat kerja. Jika seseorang itu hanya mengarah, ia dipanggil pengarah. Jika ia sentiasa sahaja memerintah, ia dipanggil pemerintah. Seorang pemimpin harus memberi inspirasi dan dengan inspirasi itu akan tercetuslah keinginan yang berkobar-kobar di kalangan ahli organisasi supaya dapat membuat kerja bersungguh-sungguh dilakukan dengan ikhlas, sukarela dan bukan kerana dipaksa ataupun untuk mendapat ganjaran/bayaran.

OBJEKTIF KEPIMPINAN

Objektif kepimpinan sukar dipisahkan dengan objektif pengurusan sesuatu organisasi. Kepimpinan adalah perlu dalam membentuk strategi bagaimana hendak merancang dan menyelenggara sumber-sumber dalam sesebuah institusi supaya mencapai kegunaan yang paling optima.

(Selaras dengan segala matlamat, objektif dan falsafah institusi tersebut).

James Brian Quinn seorang Ahli Pengurusan telah menyenaraikan bahawa bidang tugas seorang pemimpin adalah seperti berikut:

- i. Amplifying understanding.*
- ii. Building awareness.*
- iii. Changing symbols.*
- iv. Legitimizing new view points.*
- v. Making tactical shifts.*
- vi. Broadening political support.*
- vii. Overcoming opposition.*
- ix. Inducing and Structuring flexibility.*
- x. Launching trial balloon and engaging in systematic waiting.*
- xi. Creating pockets of commitments.*
- xii. Crystalizing focus.*
- xiii. Managing coalitions.*
- xiv. Formalizing commitments.*

Semuanya ini adalah untuk membangunkan sesebuah organisasi supaya mencapai produktiviti yang tinggi. Walau bagaimanapun, jika kita rujuk kembali kepada firman Allah dalam pendahuluan kita tadi, nyata bahawa kepimpinan dalam Islam adalah berbeza. Tujuan utama kepimpinan dalam Islam ialah untuk mencapai satu darjat moraliti yang paling tinggi bagi pengikut-pengikutnya. Produktiviti adalah merupakan "a means to an end, and not an end in itself". Segala hasil pekerjaan kita hendaklah bertujuan untuk mencapai kesejahteraan ummah keseluruhannya. Pada manusia Allah telah menyatakan hukumnya dan peraturannya. Dia menjadi khalifah untuk mengatur bumi ini, untuk mengeluarkan rahsia yang terpendam di dalamnya. Allah anugerahkan kepada manusia itu akal yang berbentuk ghaib dan ajaib. Kekuatan yang ada pada manusia amat luas, dan keinginan hendak tahu tidak terbatas. Tetapi seorang pemimpin, atau siapa sahaja sekalipun, tidak boleh bergantung kepada akal semata-mata dalam mengambil sesuatu tindakan. Ini adalah kerana akal manusia mempunyai batasan-batasannya. Pemimpin perlu kepada pertolongan Allah untuk menunjukkan jalan-jalan yang benar yang diredhai olehNya. Kalau kita hanya menggunakan akal fikiran sudah pasti hasil dari tindakan itu tidak mendatangkan kebaikan yang menyeluruh.

Kepimpinan dalam Islam merupakan satu amanah yang mesti dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Dengan yang demikian di dalam Islam syarat-syarat menjadi pemimpin telah ditentukan. Ini boleh didapati di dalam Al-Quran dan juga di dalam Hadis-hadis.

SYARAT-SYARAT MENJADI PEMIMPIN²

- (a) **Ilmu** - Seorang pemimpin memerlukan ilmu yang sangat luas, yang semestinya sampai ke peringkat "Par Excellence". Ini adalah untuk membolehkannya menyelesaikan berbagai masalah. Sekiranya ia tidak mampu keperingkat itu, maka ahli-ahli majlis hendaklah terdiri daripada mereka-mereka yang berilmu dalam berbagai bidang.
- (b) **Iman** - Iman ialah kepercayaan bahawa ada kuasa yang lebih besar daripada kuasa manusia dan manusia pula ada tanggungjawab yang tertentu di dunia ini yang mesti dilaksanakan. Seseorang yang tidak berkeperluan sedemikian tidak boleh menjadi pemimpin kerana kriteria dan prinsip serta strategi kepimpinannya akan hanya diasaskan kepada manusia mengikut hawa nafsunya. Pemimpin yang beriman tidak akan melakukan sedemikian kerana ia tahu ia akan dipersoalkan di hari kemudian mengenai kepimpinannya.
- (c) **Adil** - Seorang pemimpin hendaklah seorang yang adil pemerintahannya, tidak berat ke mana-mana pihak walaupun daripada keluarga sendiri, kepentingan diri hendaklah dijauhkan.
- (d) **Kemampuan** - Ini bermaksud sifat kecekalan dalam melaksanakan segala hukum hakam dan undang-undang yang ada,
- (e) **Merdeka/Bebas** - Seseorang yang hendak dilantik menjadi pemimpin hendaklah mempunyai kebebasan berindak.

Institusi yang benar-benar berjaya bukan sahaja dapat mengeluarkan graduan-graduan dalam bidang-bidang khusus yang dapat memenuhi keperluan-keperluan negara seperti doktor, peguam, jurutera atau apa juga bidang yang dipilih bahkan ia boleh mengeluarkan graduan-graduan yang mempunyai pandangan seimbang terhadap matlamat nilai hidup, dunia dan manusia. Dari manakah mereka dapat memperolehi segala contoh dan tauladan jika tidak daripada para pendidik dan mereka yang berada di institusi ini.

Jadi sifat-sifat yang perlu dimiliki dan dihayati oleh seseorang pemimpin adalah seperti berikut:-

- a) **Keberanian** - Dalam Islam Rasulullah s.a.w. adalah sebagai contoh teladan kepada pemimpin Islam. Sifat berani disini meliputi semua keadaan termasuk berangkat sendiri ke medan perang dan dalam membuat strategi tertentu.
- b) **Tegas** - Seorang pemimpin hendaklah bersifat tegas dalam semua hal demi untuk mengelakkan penipuan.
- c) **Kebijaksanaan dan Kecekapan Berfikir** - Sesuatu tindakan yang hendak dilakukan terlebih dahulu dipertimbangkan dari segenap aspek. Apabila didapati situasi mengizinkan maka ia tidak akan melengah-lengahkan tindakannya.
- d) **Sabar** - Sifat sabar amat diperlukan oleh seorang pemimpin kerana dengan sifat itu ianya akan mampu menghadapi masalah-masalah pentadbiran dan kepimpinan dengan tenang dan sempurna. Allah berfirman yang bermaksud:

"Kami menjadikan di antara mereka itu pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah kami ketika mereka sabar. Dan adalah mereka menyangkin ayat-ayat kami".

Surah Al-Sajdah Ayat 24.


- e) **Diplomasi** - Apa yang dimaksudkan dengan diplomasi ialah tatacara dan budi bahasa yang halus dengan perantaraannya seseorang individu yang akan dapat menyakinkan individu yang lain memperakui kebenaran atau menginggalkan kebatilan. Sifat yang berlawanan dengan diplomasi ialah pura-pura. Sifat ini tidak patut ada pada seseorang, terutamanya pemimpin.
- f) **Memberi dan menerima nasihat** - Seorang pemimpin yang agong sentiasa memberi dan sanggup menerima nasihat. Di dalam memberi nasihat seorang pemimpin hendaklah mengambil perhatian tertentu mengenai adab-adabnya supaya nasihat yang hendak disampaikan itu akan mudah diterima. Diantara adab-adab memberi nasihat ialah nasihat itu hendaklah disampaikan dengan secara jelas dan bahasa yang halus dan berdiplomasi.
- g) **Rendah diri** - sifat rendah diri bukan bererti lemah tetapi itu adalah menunjukkan kekuatan seorang pemimpin. Sifat ini adalah simbol kepada pengabdian diri seseorang individu kepada Allah S.W.T. Sifat ini membuktikan bahawa seorang pemimpin itu benar dan mengenal siapa ia itu Allah S.W.T. Dengan adanya sifat rendah diri, dua sifat yang amat keji iaitu bongkak dan bangga diri dapat dihindari. Seorang yang bongkak dan bangga diri biasanya menggunakan kesempatan untuk kepentingan diri dan untuk menguatkan kedudukannya. Dengan itu orang-orang dibawahnya tidak akan mendapat sebarang pembelaan.

"Beberapa Prinsip dan Ciri Utama kepemimpinan dalam Islam"

Oleh Mohd. Affandi Hassan

Biro Penyelidikan dan Perancangan, INTAN.

Syarat-syarat itu melambangkan darjat yang paling tinggi. Produktiviti bukan merupakan ukuran utama kerana sekiranya produktiviti tinggi tetapi manusia tidak ada “morality” maka kewujudan pemimpin itu tidak memberi makna.



Rajah 1 Empat Gaya Kepimpinan

Satu faktor yang mesti juga diperbincangkan ialah mengenai soal kewibawaan dan kuasa ataupun “authority and power”. Kewibawaan bererti kuasa formal legitimate yang ada kepada seorang pemimpin oleh kerana kedudukan atau taraf serta pangkat yang ada padanya. Kewibawaan ditentukan oleh struktur organisasi. Kuasa pula ialah keupayaan untuk mempengaruhi pengikut-pengikut untuk membuat sesuatu tindakan. Kuasa ini tidak ditentukan oleh struktur organisasi. Dua perkara ini sering timbul dalam memperkatakan masalah kepimpinan. Seseorang itu mungkin mempunyai kewibawaan tetapi tidak semesti ia akan menjadi seorang pemimpin yang berjaya, sekiranya orang bawahan tidak menerima kewibawaan itu.

Disamping mempunyai sifat-sifat yang unggul seorang pemimpin perlu mempunyai teknik memimpin. Beberapa kajian telah dibuat dan pada amnya pemimpin yang berkesan menunjukkan 4 ciri di dalam menghadapi masalah:-

- 1) Pemimpin itu tidak lari dari masalah yang dihadapi. Ia cuba memahami diri-diri pengikutnya dan memahami tujuan institusinya.
2. Pemimpin itu cuba meletakkan dirinya dalam masalah-masalah yang dihadapi oleh pengikut-pengikutnya.
3. Pemimpin itu menggunakan kawalan yang minima di atas pengikutnya mengikut keadaan.
4. Pemimpin itu membina amanah dikalangan pengikut-pengikutnya. Ia tidak menggunakan ancaman.

PENUTUP

Dapatlah dirumuskan bahawa kepimpinan adalah merupakan fakta penting dalam sesuatu kumpulan organisasi, masyarakat atau negara seluruhnya. Khususnya kepimpinan yang benar-benar mantap selaras dengan lunas-lunas Islam akan dapat membawa sesebuah institusi pengajian tinggi itu ke arah kecemerlangan bertepatan dengan matlamat, objektif dan falsafah institusi itu sendiri.

Dalam kajian itu kita harus mengkaji pendapat-pendapat Barat dan diselaraskan dengan tuntutan-tuntutan syariah Islam kerana asas-asas kepimpinan Islam telah diwahyukan oleh Allah S.W.T. secara langsung dalam Al-Quran dan kita wajib mematuhi. Sebagai penutup, hadith Rasulullah s..a.w. ini patut dibuat renungan, yang bermaksud:-

Ibn. Umar r.a. berkata, "Saya telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda;

"Kamu sekalian pemimpin dan kamu akan ditanya dari hal rakyat yang dipimpinnya. Pemimpin akan ditanya hal rakyat yang dipimpinnya. Suami akan ditanya hal keluarga yang dipimpinnya. Isteri memelihara rumahtangga suaminya dan akan ditanya hal yang dipimpinnya. Pelayan memelihara milik majikannya dan akan ditanya dari hal yang dipimpinnya. Dan kamu sekalian pemimpin akan ditanya (diminta pertanggungjawab) dari hal rakyat yang dipimpinannya."

Riwayat (Buchary, Muslim).

BIBLIOGRAFI

1. *Thomas Peters and Robert Waterman, In Search of Excellence, Harper & Row 1982 NY.*
2. *DR. Thomas Gordon Leader Effectiveness Training, Wyden Books, 1977 Chicago.*
3. *Ron Garland, Working and Managing in a New Age. Humanics Limited 1989.*
4. *John Adair (Terjemahan) Menjadi Pemimpin Efektif, PT Pustaka Binaman Pressindo, 1984.*
5. *Kennete Blanchard PhD, Patricia Zigarmi, Ed. D. Leadership and the One Minuter Manager, Blanchard Management Corporation, 1985.*
6. *Majalah Mastika Keluaran July 1991.*
7. *Salim Bahveisy Riadhus shalihin (Terjemah), Penerbit Bandung 1977.*
8. *Terjemahan Al-Quran.*
9. *Akhlaq para pendakwah Abdullah Nasih Ulwan, DEwan Pustaka Fajar 1988.*

Bersabda Nabi Muhamad S.A.W.

"Barang siapa menjalani satu jalan untuk menuntut ilmu, maka dianugerahi Allah kepadanya jalan ke syurga".

(Riwayat : Muslim dari Abi Hurairah)